

## NEXUS LAKSANAKAN ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH *NEXUS IMPLEMENTS WORK FROM HOME ORDER*

Berikutan keadaan semasa Covid-19 dinegara ini dimana kes-kes positif tempatan telah dikesan sejak minggu lepas, Nexus telah mengaktifkan Pelan Kesenambungan Perniagaan (BCP) dan melaksanakan arahan Bekerja dari Rumah sejak hari Isnin, 9hb Ogos 2021 yang melibatkan semua kakitangan dan rakan sekerja. Notis telah diedarkan sehari sebelum itu bagi memaklumkan kepada semua kakitangan dan rakan sekerja mengenai arahan tersebut seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan. Hanya mereka yang mempunyai tugas kritikal sahaja yang dibenarkan bertugas dipejabat tetapi mestilah memaklumkan terlebih awal kepada pihak HSE dan Keselamatan.

*In view of the current Covid-19 situation in the country where positive local cases have been detected since last week, Nexus activated its Business Continuity Plan (BCP) and implemented Work from Home order since Monday, 9th August 2021 involving all staff and associates. A notice was posted a day earlier informing staff of the directive as advised by the Ministry of Health. Only those who have critical tasks are allowed to work in the office but are required to notify HSE and Security staff in advance.*



### NOTIS | NOTICE

#### WORK FROM HOME ORDER

In response to the Ministry of Health's announcement on the current COVID-19 situation in Brunei Darussalam, Nexus has agreed for the following precautionary measure to be implemented. All employees of Nexus, **EXCEPT** those who have critical tasks which require them to come to office, are required to **work from home** effective **Monday, 9<sup>th</sup> August 2021** until further notice. Please check your email, WhatsApp and Telegram regularly or consult your respective supervisors for further updates.

#### ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH

Sebagai susulan dari pengumuman Kementerian Kesihatan mengenai situasi semasa COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Nexus telah bersetuju untuk langkah berikut dilaksanakan. Semua kakitangan Nexus **KECUALI** mereka yang mempunyai tugas kritikal yang memerlukan mereka hadir ke pejabat, adalah dikehendaki **bekerja dari rumah (work from home)** mulai hari **Isnin, 9hb Ogos 2021** sehingga dimaklumkan kemudian. Biskita adalah dinasihatkan untuk menyemak email, WhatsApp dan Telegram dari masa kesemasa atau menghubungi penyelia masing-masing bagi pemberitahuan selanjutnya



# KAKITANGAN SELESAI MENJALANI PENEMPATAN HADIRI PROGRAM INDUKSI

## *RETURNING SECONDEES ATTEND INDUCTION PROGRAMME*

12 orang kakitangan Nexus yang menjalani penempatan di UNN lebih setahun yang lalu, mengakhiri penempatan mereka dan kembali ke Nexus dengan terus menghadiri program induksi pada hari Isnin, 2hb Ogos 2021, bertujuan bagi memberi mereka pengenalan mengenai struktur organisasi syarikat, program bimbingan serta peluang bagi mereka meningkatkan dan memperolehi kemahiran baru. Mereka akan diserapkan di beberapa bahagian sesuai dengan kemahiran dan minat masing-masing.

*12 Nexus staff who were seconded to UNN for more than a year, ended their stint and returned to Nexus last week straight into an induction programme on Monday, 2nd August 2021, aimed at giving them an insight into their new roles at Nexus. They were briefed on the company's organization structure, coaching programme and opportunities to upskill and reskill themselves. They will be absorbed into different departments based on their skills and interests.*



Kakitangan yang menghadiri program induksi  
*The returning secondees who attended the induction programme*

## PESERTA SKIM CILI HADIRI TAKLIMAT MENGENAI PELAKSANAAN PEMBIAYAAN *CHILI SCHEME PARTICIPANTS BRIEFED ON THE FUNDING ARRANGEMENT*

20 peserta skim penanaman cili menghadiri satu taklimat pada hari Khamis, 5hb Ogos 2021 berkenaan pelaksanaan pembiayaan bagi projek bersama Superfish itu nanti. Taklimat disampaikan oleh Hazel Lim, Pengurus Pembangunan Bisnes, Superfish dan Hajah Norfaezah Hj Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif, Evolve Me.

*The 20 participants of the chili farming scheme attended another briefing on Thursday, 5th August 2021 with regards to the funding arrangement for their upcoming project with Superfish. The briefing was conducted by Hazel Lim, Superfish Business Development Manager and Hajah Norfaezah Haji Ibrahim, CEO of Evolve Me*



Para peserta yang menghadiri taklimat berkenaan  
*The participants who attended the briefing*

# RAKAN SEKERJA MENJALANI PENILAIAN HSE DAN PROSES PEMILIHAN *ASSOCIATES UNDERGO HSE ASSESSMENT AND SELECTION PROCESS*



Rakan sekerja diberi taklimat sebelum proses penilaian | *The associates briefed on the assessment process*

Pada hari Jumaat, 6hb Ogos 2021, 11 rakan sekerja Nexus telah menjalani proses penilaian dan pemilihan di pusat latihan SRS Emergency and Rescue Solutions Sdn Bhd yang terletak di Taman Perindustrian Lugu, sebagai sebahagian dari proses pemilihan satu pasukan yang akan diaturnya untuk penugasan selama tiga bulan di Brunei LNG September nanti. Proses pemilihan termasuk aktiviti-aktiviti yang memerlukan kecergasan fizikal dan kesihatan. Pada hari Rabu, 13hb Ogos, SRS telah memaklumkan 8 daripada mereka telah terpilih untuk menjalani latihan lanjut sebelum penugasan bermula.



On Friday, 6th August 2021, 11 Nexus associates underwent an assessment and selection process at SRS Emergency and Rescue Solutions Sdn Bhd training centre at Lugu Industrial Park as part of the process to select a team for a three-month project assignment at Brunei LNG in September. The selection involved activities that demand great physical fitness and health. By Wednesday, 11th August, SRS informed that 8 of the associates have been selected to undergo further training before their deployment.



Rakan sekerja menjalani proses penilaian dibawah pengawasan rapi para jurulatih SRS  
The associates undergoing the assessment under the watchful eyes of SRS trainers

SELAMAT MENYAMBUT  
*Awal  
Muharram*  
1443H | 2021M

Daripada:  
**PIHAK PENGURUSAN DAN RAKAN SEKERJA**

 **nex.us**  
THE HEART OF US



CERAMAH SEMPENA AWAL TAHUN HIJRAH 1443

**TAJUK:  
MUHASABAH HIJRAH**



OLEH  
SITI HANISAH  
SINTI HAJI OTHMAN  
(MIHRAB)

**DITANGGUHKAN / POSTPONED**

Jam: 8:30 pagi - 11:00 pagi

Tarikh: Jumaat, 13 Ogos 2021

Tempat: Ruang Legar, Ibu Pejabat Nex.Us

**DATANGLAH  
BERAMAI-RAMAI!**

**COVID-19 LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN**

Amalkan Kebersihan Diri    Cuna Cecair Pembersih Tangan    Imbas BruHealth QR Code

Pakai Sungkup Muka    Periksa Suhu Badan    Perkumpulan Ramai Tidak Dibenarkan

Hanya Keluar Rumah Jika Perlu    Bekerja Dari Rumah

#staysafe

**COVID-19 SEGERA JOM DERMA DARAH**

**DARAH MASIH DIPERLUKAN**

Berikutan perkembangan mengenai COVID-19, individu-individu yang ingin menderma darah dinasihatkan untuk menempah awal slot menderma darah menggunakan aplikasi BloodKad.

Garispandu Kementerian Kesihatan berkenaan COVID-19 hendaklah dipatuhi seperti memakai sungkup muka, mensanitasi tangan, mengimbas kod QR BruHealth dan mengamalkan penjarakan sosial setiap masa.

"Derma Darah Selamatkan Nyawa"

#staysafe

Kemnterin Kesihatan  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

WAKTU OPERASI BAGI  
**TALIAN NASIHAT KESIHATAN 148**

SETIAP HARI  
**24 JAM**

Talian 148 juga boleh dihubungi melalui  
**WHATSPAP & TELEGRAM**  
**+673 737 0095**

www.moh.gov.bn | 148

Kemnterin Kesihatan  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

**Arahan Pemakaian Sungkup Muka**

Sesiapa yang **gagal mematuhi arahan pemakaian sungkup muka tersebut boleh dikenakan denda kompaun sebanyak \$100 di bawah Bab 62(A) Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.**